



SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Brunei Darussalam Membuka Tirai Tahun Mempengerusi ASEAN
2021 dengan *ASEAN Senior Economic Officials Meeting (SEOM)***

Retreat 2021

Bandar Seri Begawan, Isnin, 27 Jamadilawal 1442 / 11 Januari 2021

1. Mesyuarat *ASEAN Senior Economic Officials Meeting (SEOM) Retreat* bagi tahun 2021 telah berlangsung pada 11 Januari 2021 secara persidangan video yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Dr Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan serta wakil-wakil daripada ke semua negara-negara ASEAN.
2. Mesyuarat ini menandakan permulaan mesyuarat-mesyuarat ekonomi yang akan dipengerusikan oleh Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah dan penggerusi kepada *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)* bagi tahun 2021.
3. Sebagai penggerusi ASEAN, Negara Brunei Darussalam mencadangkan sepuluh (10) *Priority Economic Deliverables (PED)* di bawah tunggak *ASEAN Economic Community (AEC)* mengikut tema ASEAN 2021 iaitu "*We Care, We Prepare, We Prosper*". Ringkasnya, *Priority Economic*



Deliverables (PED) tersebut terbahagi kepada tiga (3) teras strategi, seperti berikut:

- (i) **Pemulihan** - Untuk memastikan pemulihan rantau berikutan impak pandemik COVID-19, fokus dihasratkan kepada penjelasan peraturan-peraturan berkenaan langkah-langkah bukan tarif (*non-tariff measures*) dan memudahcara pelaburan (*facilitation of investments*) ke rantau ini; penyediaan sebuah *roadmap* bagi pemulihan sektor pelancongan sebagai garispandu kepada penyediaan perancangan dan solusi-solusi yang komprehensif dan selaras; serta membuka peluang pasaran dan kerjasama baru bagi ASEAN, terutamanya melalui pelancaran perundingan bagi kemungkinan untuk mengadakan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Kanada;
- (ii) **Digitalisasi** - Ke arah memupuk ASEAN menjadi rantau yang berdaya tahan dengan memanfaatkan teknologi baru, fokus diberikan kepada penyediaan persekitaran e-dagang (*e-commerce*) dan ekosistem digital yang selamat, terjamin, dan *harmonized*; dan
- (iii) **Sustainability** - Ke arah memajukan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan lestari di rantau ASEAN, fokus diberikan kepada penyediaan garispandu dan dokongan kepada perusahaan mikro, sederhana dan kecil (MSMEs), peralihan tenaga yang lestari dan juga kerjasama di dalam bidang *minerals*.



4. Dalam ucapan pembukaannya, Yang Mulia Puan Dr Hajah May Fa'ezah selaku Pengerusi mengalu-alukan Ketua-Ketua dan Pegawai SEOM dan sekali gus merasmikan Mesyuarat *ASEAN Senior Economic Officials Meeting (SEOM) Retreat* bagi tahun 2021, yang mana tahun ini adalah giliran Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan proses ASEAN bagi memajukan agenda integrasi ekonomi dan pemulihan di rantau ini. Dalam pada masa yang sama, Negara Brunei Darussalam juga berharap untuk meneruskan momentum dan usaha yang telah dilakukan oleh Viet Nam selaku tuan rumah dan pengerusi sebelumnya.
5. Mesyuarat antaralain membincangkan mengenai dengan *2021 Annual Priorities* di bawah bidangkuasa SEOM; Program Kerja SEOM untuk 2021; Pengemaskinian kerja-kerja *Economic Officials* di Jakarta; serta Cadangan jadual mesyuarat-mesyuarat ekonomi ASEAN pada tahun ini.
6. Berikutan selesainya Mesyuarat *ASEAN SEOM Retreat*, mesyuarat rasmi pertama bagi "*SEOM and Related Meetings*" dengan Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi ASEAN dijangka akan berlangsung secara maya pada 20 hingga 28 Januari 2021.